

1. DOKUMENTASI

- 1.1 Perjanjian ini dibuat di antara AmBank (M) Berhad (No. Pendaftaran: 196901000166 (8515-D) (selepas ini dirujuk sebagai "AmBank") dan pemohon-pemohon seperti yang dinamakan di dalam Borang Permohonan. Oleh yang demikian, terma dan syarat tersebut adalah mengikat pemohon-pemohon yang pinjamannya telah diluluskan oleh AmBank (Selepas ini dirujuk sebagai Pemohon Yang Berjaya).

2. TAFSIRANA

- 2.1 Terma-terma dan syarat-syarat ini, bersama-sama dengan Surat Pengeluaran dan sebarang dokumen lain berkenaan dengan mana-mana akaun Pemohon yang dibuka dan dikekalkan dengan Bank, membentuk satu perjanjian berkaitan dengan Fasilitas ini.
- 2.2 Terma-terma dan syarat-syarat yang dinyatakan di sini adalah sebagai tambahan dan bukan sebagai gantian dan tidak akan menjejaskan mana-mana terma-terma dan syarat-syarat lain yang mengikat Pemohon dari masa ke semasa.

3. FASILITI

- 3.1 Fasilitas ini adalah satu pinjaman bertempoh tanpa cagaran.
- 3.2 Amaun Fasilitas (minimum amaun Fasilitas adalah RM2,000.00) adalah tertakluk kepada budi bicara Bank dan boleh diubah oleh Bank dari masa ke semasa.

4. TARIKH PERJANJIAN

- 4.1 Obligasi-obligasi AmBank untuk mengeluarkan pinjaman adalah tertakluk kepada kelulusan AmBank. Perjanjian ini hanya berkuat kuasa dari tarikh kelulusan pinjaman. Oleh itu, tarikh perjanjian ini akan menjadi tarikh kelulusan pinjaman.

5. TAWARAN DAN PENERIMAAN FASILITI

- 5.1 Semua perbuahan telefon di antara pegawai Bank dan Pemohon akan dirakamkan oleh pihak Bank bagi tujuan pengesahan. Semua Perjanjian yang dibuat dengan Pemohon melalui telefon akan dianggap sebagai sah dan terikat ke atas Pemohon.
- 5.2 Pemohon dinasihatkan untuk memahami dan membaca terma-terma dan syarat-syarat ini. Apabila Bank menerima semua dokumen bersama-sama dengan Borang Permohonan yang telah ditandatangani oleh Pemohon, Pemohon dianggap bersetuju untuk menerima had pinjaman yang akan diluluskan dan kesemua dokumen tersebut yang diberi oleh Pemohon adalah dengan niat yang suci dan kesemua maklumat yang disediakan akan dianggap sebagai benar dan baik. Pada ketika pihak Bank menerima kesemua dokumen, tandatangan Pemohon di Borang Permohonan akan dianggap sebagai sah dan terikat ke atas Pemohon.

6. PENGELUARAN FASILITI

- 6.1 Pihak Bank akan mengeluarkan amaun Fasilitas ini kepada akaun semasa/simpanan AmBank milik Pemohon atau mana-mana akaun yang dikenalpasti dalam Borang Permohonan selepas menolak bayaran setem duti yang bersamaan dengan 0.5% dari amaun Fasilitas.
- 6.2 Pemohon yang Berjaya bersetuju bahawa Bank mempunyai hak untuk mengubah atau meminda cara pengeluaran Fasilitas dengan notis terdahulu.

7. KADAR FAEDAH

- 7.1 Pihak Bank akan melaksanakan dan Pemohon bersetuju untuk menanggung faedah yang dikenakan ke atas Fasilitas pada kadar yang ditentukan oleh Bank. Bank mempunyai hak untuk mengubah kadar faedah berdasarkan perubahan Kadar Asas atau keadaan-keadaan pasaran seperti berikut: (i) tujuh (7) hari kalendar notis terdahulu untuk perubahan Kadar Asas dan/atau (ii) dua puluh satu (21) hari kalendar untuk perubahan bagi kadar faedah yang lain. Tiada apa-apa di sini yang akan menjejaskan hak Bank untuk menyemak semula kadar faedah apabila berlakunya kejadian-kejadian ingkar seperti yang terkandung di Klausula 8.3 di bawah.
- 7.2 Sekiranya dan pada bila-bila masa terdapatnya perubahan kadar faedah yang perlu dibayar oleh Pemohon Yang Berjaya di bawah perjanjian ini, AmBank boleh di atas budi bicara membuat penyesuaian dengan memberi notis terdahulu seperti yang terkandung di Klausula 8.3 di bawah sama ada:
 - (i) dengan mengubah amaun mana-mana ansuran bulanan; atau
 - (ii) dengan mengubah tempoh ansuran bulanan.

8. MODIFIKASI ANSURAN-ANSURAN

- 8.1 Pemohon Yang Berjaya tidak dibenarkan untuk mengubah tarikh permulaan ansuran bulanan Fasilitas, ansuran bulanan Fasilitas dan jangkamasa ansuran Fasilitas yang dinyatakan dalam Surat Pengeluaran kecuali dengan kebenaran bertulis yang diberikan oleh Bank atau boleh diberi oleh Bank tertakluk kepada terma dan syarat yang diputuskan dan dibenarkan oleh Bank.
- 8.2 Tempoh pembayaran balik Fasilitas dan kadar faedah baginya adalah seperti yang dinyatakan dalam Surat Pengeluaran atau jika berkenaan, sebarang tempoh lain yang dipersetujui bersama antara Bank dan Pemohon. Setiap ansuran selanjutnya hendaklah dibayar pada tarikh yang dipersetujui pada setiap bulan kalendar berturut-turut sehingga seluruh harga jualan dan semua wang lain yang telah dijanjikan akan dibayar oleh Pemohon Yang Berjaya di bawah Perjanjian ini, yang seterusnya dirujuk sebagai "hutang", telah dibayar sepenuhnya dan diselesaikan. Tarikh pembayaran ini boleh diubah oleh Bank dengan memberikan notis terdahulu seperti yang terkandung di Klausula 8.3 di bawah.
- 8.3 Sekiranya dan pada bila-bila masa kadar faedah yang kena dibayar untuk Fasilitas diubah, Bank boleh atas budi bicara membuat pembetulan yang wajar berikutan perubahan tersebut dengan memberi notis bertulis terdahulu sama ada:-
 - (i) dengan mengubah amaun ansuran bulanan Fasilitas; atau
 - (ii) dengan mengubah jumlah bilangan bagi baki jangkamasa ansuran Fasilitas;Bagi mengelakkan pertikaian, Bank perlu memberi notis seperti berikut: (i) tujuh (7) hari kalendar notis terdahulu bagi variasi Kadar Asas; dan/atau (ii) dua puluh satu (21) hari kalendar notis terdahulu bagi faedah yang lain.

9. PERMODALAN FAEDAH

9.1 Keuntungan yang dikirakan atas pinjaman untuk masa kini termasuk permodalan faedah jika tidak dibayar akan pada setiap penghujung bulan atau pada budi bicara AmBank pada penghujung tempoh pembayaran faedah- faedah yang lain hendaklah dipermodalakan dan ditambah ke dalam pinjaman yang terhutang dan seterusnya faedah akan diambil kira dan perlu dibayar, dan semua perjanjian dan syarat yang terkandung atau yang tersirat di sini dan semua peraturan, undang-undang atau ekuiti berkaitan pinjaman dan faedah berikutnya akan berkuatkuasa ke atas keuntungan yang dipermodalakan dan faedah yang dikenakan atau tunggakan walaupun terdapatnya sebarang tuntutan daripada AmBank mengenai kadar faedah atau faedah yang dicajkan pada bila- bila masa adalah muktamad dan konklusif.

10. PERMODALAN FAEDAH DIKECUALIKAN DARIPADA HAD AMAUN PINJAMAN YANG DILULUSKAN

10.1 Tanpa menjejaskan kepada peruntukan yang lain di dalam perjanjian ini dan hanya bagi tujuan untuk menentukan sama ada pinjaman telah melebihi had yang diluluskan atau semua keuntungan yang terkumpul dan dipermodalakan akan dianggap sebagai keuntungan dan tidak menjadi amaun pokok.

11. REBAT TAHUNAN

11.1 Pemohon Yang Berjaya yang telah melaksanaan pembayaran bulanan sebelum atau tepat pada tarikh yang ditetapkan untuk 12 bulan berturut-turut akan menikmati rebat 5% atas jumlah kadar faedah untuk tahun tersebut. Rebate ini akan diberi pada bulan ke-13 dan akan dinyatakan dalam penyata akaun bulan ke-13. Pihak Bank mempunyai hak untuk mengubah kadar rebat pada bila-bila masa atas budi bicara Bank dengan notis bertulis selama dua puluh satu (21) hari kalendar terlebih dahulu kepada Pemohon Yang Berjaya.

11.2 Pada tahun terakhir untuk pinjaman/fasiliti ini dan dengan pembayaran balik sebelum atau pada tarikh yang ditetapkan untuk 11 bulan berturut-turut, rebat akan diberi pada bulan ke-12 dalam penyata akaun dan merupakan bayaran yang terakhir.

12. FAEDAH TUNGGAKAN (KADAR TUNGGAKAN)

12.1 Pemohon Yang Berjaya mesti membayar kadar tunggakan (sebelum dan selepas penghakiman) pada kadar satu peratus (1.0%) atau mana-mana perubahan di atas Kadar Asas setiap tahun:

- (i) pada mana-mana amaun tertunggak yang masih belum dibayar;
- (ii) pada baki jumlah yang tertunggak jika Fasiliti ditarik balik atau selepas tempoh Fasiliti tamat.

12.2 Walaupun ketidakwujudan sebarang tuntutan daripada Bank bagi faedah atau mana-mana bayaran yang tertunggak daripada Pemohon Yang Berjaya, kadar tunggakan akan terakru sehingga tarikh bayaran sebenar.

13. TEMPOH

13.1 Tempoh pembayaran semula minimum adalah selama 12 bulan atau maksimum 60 bulan atau tempoh lain sebagaimana yang ditentukan oleh AmBank menurut budi bicara dari masa ke semasa dengan pemberian notis kepada Pemohon Yang Berjaya.

14. HAK UNTUK MENARIK BALIK PINJAMAN/FASILITI

14.1 AmBank mempunyai hak untuk membatalkan pinjaman ini pada bila-bila masa jika berlakunya kemungkiran atau pelanggaran mana-mana perjanjian ini termasuk sebelum pinjaman/ Fasiliti dikeluarkan.

14.2 AmBank juga mempunyai hak untuk menggantung atau tidak meneruskan pengeluaran pinjaman jika AmBank menyedari dan mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa:

- (i) sebarang dokumen dan maklumat yang diberikan adalah palsu, tidak benar atau mengelirukan;
- (ii) terdapatnya sebarang penipuan, pemalsuan dan representasi yang tidak benar dalam permohonan pinjaman oleh Pemohon Yang Berjaya.

15. KETERSEDIAAN PINJAMAN

15.1 Pinjaman ini boleh digunakan selepas kesemua syarat pendahuluan telah dipatuhi menurut kemahuan AmBank.

16. PRABAYAR ATAU PENYELESAIAN AWAL

16.1 Sekiranya Pemohon Yang Berjaya memilih untuk menyelesaikan pinjaman sepenuhnya sebelum tempoh matang, Pemohon Yang Berjaya perlu memberi Pihak Bank satu (1) bulan notis bertulis.

16.2 Rebate bagi penyelesaian awal ("Rebate") pada baki faedah yang dicaj akan diberikan kepada Pemohon Yang Berjaya pada tempoh tidak luput bermula selepas satu (1) bulan. Rebate tersebut akan dikira mengikut formula berikut:

$$R = \frac{n(n+1) \times I}{N(N+1)}$$

- R Rebate
- n Jumlah baki ansuran yang tidak dibayar dalam bulanan.
- N Jumlah tempoh yang dipersetujui dalam bulan
- I Jumlah faedah caj yang dipersetujui bagi keseluruhan tempoh pinjaman

17. BAYARAN BALIK

17.1 Pemohon Yang Berjaya sekiranya dituntut akan membayar kepada pihak Bank jumlah Keberhutangan atau baki daripadanya dari semasa ke semasa yang masih tertunggak dengan faedah ke atasnya pada kadar seperti yang dinyatakan secara khusus di bawah Klausa 7 di atas, dan kesemua jumlah lain di sini yang terikat untuk dibayar dan sehingga tuntutan kepada jumlah tertunggak tersebut dibuat Fasiliti tersebut akan dibayar dengan faedah ke atasnya pada

kadar berdasarkan jumlah bayaran ansuran bulanan dan jumlah yang dinyatakan di sini atau sebaliknya tertakluk kepada budi bicara pihak Bank dengan dua puluh satu (21) hari kalendar notis kepada Pemohon Yang Berjaya.

- 17.2 Bayaran bulanan ansuran pertama adalah hendak dibayar pada hari pertama pada bulan berikutnya diikuti dengan pelepasan Fasilitas sepenuhnya atau pada tarikh-tarikh lain yang akan ditentukan oleh pihak Bank berdasarkan budi bicaranya dengan pemberian dua puluh satu (21) hari kalendar notis terlebih dahulu dan setiap ansuran bulanan berikutnya akan dibayar pada hari pertama setiap bulan berturut-turut sehingga jumlah Keberhutangan dan faedah ke atasnya dibayar dan dilunaskan sepenuhnya.
- 17.3 Sebarang permintaan Pemohon Yang Berjaya untuk pembatalan Fasilitas mesti dimaklumkan kepada Bank secara bertulis dalam masa tiga puluh (30) hari kalendar dari tarikh pengeluaran dan dengan syarat Akaun Fasilitas yang dikeluarkan tidak digunakan. Apabila Bank menerima makluman pembatalan tersebut, Bank akan membalikkan caj faedah bulan pertama dan duit setem yang telah ditagih bersama dengan yuran dan caj untuk penutupan awal AmBank CASA / AmBank Islamic CASA-i, dan Fasilitas akan dibatalkan /ditutup. Akan tetapi, Pemohon Yang Berjaya dianggap telah menerima Fasilitas tersebut dan tidak dibenarkan membuat pembatalan jika sebahagian daripada Akaun Fasilitas yang telah dikeluarkan telah digunakan dan/atau dilepaskan ke dalam fasilitas /akaun Institusi Kewangan lain. Walau bagaimanapun, pembatalan tersebut tidak akan mengecualikan Pemohon Yang Berjaya daripada sebarang tanggungjawab berkaitan yang telah terakru sehingga masa pembatalan tersebut.
- 17.4 Dalam tempoh jangka masa pembayaran balik, jumlah pokok bersama dengan jumlah faedah mestilah dibayar secara ansuran bulanan Fasilitas yang sama seperti yang dinyatakan di dalam Surat Pengeluaran yang turut menyatakan jangkamasa ansuran Fasilitas dan maklumat lain, yang dihantar kepada Pelanggan apabila Fasilitas diluluskan.
- 17.5 Bank adalah berhak atas budi bicara untuk menarik balik atau menamatkan Fasilitas dan menuntut pembayaran balik kesemua jumlah wang yang terhutang di bawah Fasilitas atau mengubah atau meminda Fasilitas atas terma-terma menurut budi bicara yang boleh diputuskan oleh Bank.
- 17.6 Dalam keadaan di mana Bank menuntut pembayaran semula Fasilitas, Pemohon Yang Berjaya adalah bertanggungjawab untuk membayar faedah ingkar ke atas jumlah akaun Fasilitas tertunggak dan ansuran bulanan Fasilitas yang masih belum dibayar setelah tuntutan pembayaran balik dibuat pada kadar faedah yang ditentukan oleh Bank atas budi bicara. Faedah ingkar akan terakru atas dasar harian (selepas penghakiman atau perintah Mahkamah dan juga sebelumnya) selama mana belum dibayar, akan didebitkan ke dalam akaun Pemohon Yang Berjaya pada akhir setiap bulan kalendar dan Pemohon Yang Berjaya akan bertanggungjawab kepada faedah pada kadar faedah ingkar seperti yang diperuntukkan.

18. PEMBAYARAN

- 18.1 Semua pembayaran akan dibuat kepada AmBank dengan sepenuhnya tanpa penolakan atau tuntutan balas, bebas dan jelas dari sebarang cukai, levi, duit, caj, yuran, penolakan, penahanan, pembatasan atau sebarang syarat.
- 18.2 Jika undang-undang memerlukan penolakan seperti ini dibuat dari sebarang bayaran, Pemohon Yang Berjaya hendaklah memastikan bahawa akaun bersih yang diterima oleh AmBank bersamaan dengan akaun yang patut diterima oleh AmBank, tanpa sebarang penolakan sebegini telah dibuat.
- 18.3 Segala pembayaran balik yang diterima oleh Bank boleh digunakan untuk mana-mana cara yang ditentukan oleh pihak Bank atas budi bicara Bank.
- 18.4 Jangkamasa ansuran bulanan Fasilitas akan ditentukan oleh Bank.
- 18.5 Ansuran bulanan Fasilitas dan jangkamasa ansuran Fasilitas tidak boleh diubah.
- 18.6 Pemohon Yang Berjaya mengakujajari untuk membuat pengaturan yang memuaskan untuk pembayaran- pembayaran di bawah Fasilitas ini mengikut terma dan syarat sekiranya beliau berada di luar negara.

19. REPRESENTASI DAN WARANTI

- 19.1 Pemohon Yang Berjaya mengaku dan memberi jaminan kepada AmBank bahawa:
 - (i) Pemohon Yang Berjaya mempunyai kuasa penuh untuk memasuki dan menjalankan obligasi-obligasi yang dinyatakan di dalam Perjanjian ini, meminjam dan membayar semula akaun yang perlu dibayar dan terhutang kepada AmBank;
 - (ii) tiada kejadian telah berlaku yang menyebabkan (atau dengan memberi notis atau luputnya masa atau kedua-duanya menyebabkan) berlakunya satu atau lebih kejadian kemungkiran seperti yang dinyatakan di Klausula 22 di bawah;
 - (iii) Pemohon Yang Berjaya tidak memungkirkan sebarang Perjanjian yang mungkin mempunyai kesan besar dan menjejaskan keadaan kedudukan kewangan mereka.

20. PENDEDAHAN

- 20.1 Pemohon Yang Berjaya dengan ini memberi kuasa kepada Bank dan/atau pegawai-pegawainya untuk:-
 - (i) menggunakan, mendedahkan atau memaklumkan apa-apa maklumat mengenai fasilitas ini untuk tujuan atau berkaitan dengan apa-apa tindakan atau prosiding yang diambil untuk tujuan mendapatkan semula wang yang genap dibayar dan kena dibayar oleh Pemohon Yang Berjaya kepada Bank di bawah terma dan syarat ini;
 - (ii) mendedahkan sebarang maklumat berkaitan dengan kedudukan kredit Pemohon Yang Berjaya kepada bank dan/atau institusi-institusi kewangan yang lain yang perlu dengan cara dan setakat mana Bank anggap perlu dan berkaitan dengan pertanyaan-pertanyaan sedemikian dan juga pendedahan nombor-nombor akaun kepada mana-mana orang atau pihak yang berminat;
 - (iii) mendedahkan maklumat kepada Bank Negara Malaysia mengenai Fasilitas Pemohon Yang Berjaya atau Akaun Fasilitas, seperti mana yang diperlukan, sama ada menurut undang-undang atau sebaliknya.

21. KELULUSAN FASILITI

- 21.1 Kelulusan permohonan adalah bergantung kepada pelaksanaan, penyampaian dan penyempurnaan dokumen- dokumen yang diperlukan oleh Bank. Bank boleh menolak permohonan Fasilitas.
- 21.2 Bank boleh atas budi bicara meluluskan permohonan untuk akaun Fasilitas dan jangkamasa ansuran Fasilitas yang dinyatakan oleh Pemohon Yang Berjaya atau akaun Fasilitas yang lebih rendah dan/atau jangkamasa ansuran Fasilitas yang lebih pendek.
- 21.3 Pemohon Yang Berjaya dengan ini memperakui bahawa penerimaan permohonan Fasilitas tersebut oleh pihak Bank adalah sempurna sebaik sahaja pihak Bank mengeluarkan Surat Pengeluaran untuk terma-terma yang terkandung di dalamnya dan mengkreditkan jumlah Fasilitas yang diluluskan ke dalam akaun

semasa/simpanan/pinjaman yang ditetapkan oleh Pemohon Yang Berjaya di sini tanpa mengambil kira jumlah Fasilitas dalam akaun tersebut kekal atau masih tidak digunakan.

- 21.4** Apa-apa perbezaan dalam jumlah Fasilitas dan/atau tempoh ansuran Fasilitas yang dipohon dan seterusnya diluluskan tidak akan memberi kesan kepada kesahihan terma-terma dan syarat-syarat ini. Adalah dipersetujui bahawa penghantaran permohonan untuk Fasilitas dan pengeluaran Surat Pengeluaran dengan ini dianggap sebagai satu perjanjian dari Pemohon Yang Berjaya untuk meminjam jumlah Fasilitas yang diluluskan oleh pihak Bank dan pihak Bank untuk menyediakan Fasilitas tersebut dan tiada lain-lain dokumen rasmi lanjut diperlukan untuk disempurnakan di antara Pemohon Yang Berjaya dan pihak Bank.

22. KEJADIAN KEMUNGKIRAN

- 22.1** Tanpa menjejaskan hak Pihak Bank untuk menamatkan Fasilitas dengan pemberian notis awal, Pihak Bank mempunyai hak untuk menamatkan Fasilitas dan meminta pembayaran amaun yang belum dijelaskan jika:-
- (i) terdapatnya kemungkiran mana-mana pembayaran amaun Fasilitas di bawah Terma dan Syarat ini atau mana-mana Pembiayaan atau fasilitas lain yang Pemohon ada dengan pihak Bank pada tarikh matang;
 - (ii) terdapatnya pelanggaran mana-mana obligasi di bawah Terma dan Syarat ini atau mana-mana fasilitas sedia ada dengan pihak Bank atau Kumpulan AmBank;
 - (iii) Pemohon mengakui secara bertulis akan ketidakmampuan mereka untuk membayar secara umumnya apabila hutang tersebut telah matang atau pihak Bank pada pendapatnya memutuskan bahawa Pemohon tidak dapat membayar hutang mereka secara umum setelah hutang mereka menjadi matang;
 - (iv) prosiding kebangkrutan telah dimulakan terhadap Pemohon;
 - (v) distres atau perintah pelaksanaan lain dilaksanakan ke atas atau terhadap mana-mana bahagian harta benda milik Pemohon dan tidak dilepaskan dalam masa empat belas (14) hari kalendar pada tarikh perintah tersebut dikeluarkan;
 - (vi) sebarang hutang Pemohon kepada pihak ketiga tidak dijelaskan pada tarikh matang atau menjadi perlu dibayar sebelum kematangannya seperti yang dinyatakan atau apa-apa jaminan yang diberikan oleh Pemohon tidak ditunaikan apabila sampai tarikh matang dan dituntut;
 - (vii) apa-apa representasi atau waranti dibuat oleh Pemohon kepada pihak Bank dibuktikan tidak benar atau, jika diulangi pada bila-bila masa setelah dirujuk kepada fakta yang diberikan pada masa tersebut, tidak lagi menjadi benar dan tepat dalam segala aspek;
 - (viii) terdapat pelanggaran Akta Perkhidmatan Kewangan 2013;
 - (ix) Pemohon meninggal dunia atau menjadi tidak siaman.
- 22.2** Pemohon Yang Berjaya hendaklah memaklumkan kepada Bank secara bertulis sekiranya berlaku kejadian-kejadian yang dinyatakan di atas kecuali klausa 22.1(ix), di mana keluarga terdekat hendaklah memaklumkan kepada pihak Bank secara bertulis sekiranya kejadian seperti di dalam klausa 22.1(ix) tersebut berlaku.
- 22.3** Pemohon Yang Berjaya memberi jaminan untuk mengganti rugi AmBank terhadap apa-apa kerugian, kerosakan atau liabilit yang dialami oleh AmBank akibat dari apa-apa kejadian kemungkiran berhubung dengan pemberian pinjaman ini.

23. PENINGKATAN KOS

- 23.1** Pemohon Yang Berjaya atas permintaan hendaklah membuat bayaran tepat pada waktunya kepada AmBank amaun sebagaimana yang ditetapkan oleh AmBank atas budi bicara AmBank dan bersetuju untuk mengganti rugi AmBank terhadap sebarang kos atau peningkatan kos sekiranya AmBank menentukan bahawa pengenalan atau perubahan sebarang undang-undang, perintah, peraturan atau arahan rasmi (sama ada terdapatnya kesan perundangan) dari pihak berkuasa yang relevan iaitu:-
- (i) diambil bersama-sama dengan obligasi AmBank di bawah perjanjian ini menjadikan AmBank menimbulkan kos; atau
 - (ii) untuk meningkatkan kos kepada AmBank bagi tabung atau mengekalkan pinjaman.

24. PERUBAHAN KEPADA KEADAAN

Sekiranya, disebabkan oleh sebarang pertukaran undang-undang yang dilaksanakan, peraturan atau keperluan pihak berkuasa atau interpretasinya atau pelaksanaannya atau pematuhan AmBank kepada sebarang arahan yang diterapkan, permintaan atau keperluan (sama ada terdapatnya kesan perundangan) akan dilaksanakan ke atas AmBank, sebarang syarat, beban atau obligasi AmBank, selepas menyedari keadaan tersebut, komitmen AmBank untuk memberikan atau mengekalkan pinjaman akan berakhir selepas notis diberikan kepada Pemohon.

25. KOS DAN PERBELANJAAN

- 25.1** Semua kos, caj dan perbelanjaan yang ditanggung oleh pihak Bank berkenaan dengan atau yang timbul daripada atau sampingan kepada Fasilitas akan ditanggung sepenuhnya oleh Pemohon Yang Berjaya, dan akan menjadi terhutang dan perlu dibayar serta-merta.
- 25.2** Semua cukai setem dan yuran peguam yang perlu dibayar (yang dinilai atas dasar 'peguam dan klien') atau yang ditanggung oleh pihak Bank:
- (i) berhubung dengan atau sebagai sampingan pada peruntukan Fasilitas; dan/atau
 - (ii) waktu menguatkuasakan haknya berkenaan dengan Fasilitas akan menjadi perlu dibayar oleh Pemohon Yang Berjaya dengan notis terlebih dahulu.

26. PENYUSUNAN SEMULA

Perjanjian ini adalah sah dan mengikat kesemua pihak walaupun terdapatnya pertukaran dari segi penggabungan, penyusunan semula dan tidak akan membawa kesan kepada liabiliti dan obligasi-obligasi yang sedia ada, sama ada pada masa sekarang atau di masa hadapan.

27. AKAUN GANTUNG

- 27.1 Wang yang diterima boleh diletakkan atau disimpan di dalam akaun gantung tanpa faedah selagi AmBank fikirkan patut tanpa sebarang kewajipan pada masa yang sama untuk menggunakannya bagi menyelesaikan wang atau liabiliti yang patut dibayar.
- 27.2 Walaupun terdapatnya pembayaran yang dinyatakan di atas, sekiranya Pemohon Yang Berjaya telah bankrap, AmBank boleh membuktikan untuk dan bersetuju untuk menerima sebarang dividen atau komposisi yang berkenaan dengan bahagian penuh atau sebahagian daripada wang atau liabiliti-liabiliti yang belum selesai dengan cara yang sama seperti perjanjian ini tidak wujud.

28. PENGIRAAN YANG MUKTAMAD

Pengiraan oleh Bank terhadap amaun yang perlu dibayar adalah muktamad kecuali terdapat kesilapan yang nyata dan ketara.

29. HAK UNTUK TOLAKAN

Pemohon Yang Berjaya hendaklah membenarkan pihak Bank untuk menolak, dengan memberikan tujuh (7) hari kalendar notis terdahulu terhadap sebarang amaun tertunggak termasuk faedah atau yuran yang patut dibayar dan yang terhutang kepada Bank di bawah perjanjian ini, apa-apa kerugian atau perbelanjaan yang mungkin ditanggung oleh Bank dari sebarang akaun Pemohon Yang Berjaya atau yang dikekalkan di mana-mana cawangan atau pejabat AmBank. Pihak Bank akan melaksanakan haknya untuk menolak selepas tamat tempoh notis tujuh (7) hari kalendar.

30. PENGGABUNGAN DAN KOMBINASI AKAUN

AmBank berhak pada bila-bila masa dan pada budi bicara dan notis bertulis selama tujuh (7) hari kalendar terlebih dahulu kepada Pemohon Yang Berjaya untuk menggabungkan sebarang atau semua akaun Pemohon Yang Berjaya termasuk akaun-akaun bersama dengan pihak lain (atau sebarang keadaan sama ada tertakluk kepada notis) di mana terdapat sebarang liabiliti dan obligasi yang ditanggung oleh Pemohon Yang Berjaya atau dari mana-mana syarikat berkaitan dengan AmBank dan menolak atau memindahkan sebarang amaun kredit dari mana-mana satu atau lebih akaun untuk obligasi wang dan liabiliti yang perlu dan patut dibayar kepada AmBank. Pihak Bank akan melaksanakan haknya untuk penggabungan dan kombinasi akaun selepas tamat tempoh notis tujuh (7) hari kalendar.

31. NOTIS

- 31.1 Sebarang tuntutan atau notis kepada Pemohon Yang Berjaya di bawah perjanjian ini hendaklah dalam bentuk tulisan dan ditandatangani oleh Pengurus Besar, Pengurus, atau pegawai AmBank yang diberi kuasa atau sebarang peguamcara atau firma peguamcara yang bertindak untuk AmBank dan boleh dibuat melalui surat, dialamatkan kepada Pemohon Yang Berjaya atau kedua-duanya begitu juga dengan hendaklah dihantar menerusi pos biasa atau dihantar secara penghantaran peribadi ke alamat Pemohon Yang Berjaya yang dinyatakan di sini atau yang biasa atau pada tempat perniagaan terakhir yang diketahui, pekerjaan atau kediaman Pemohon Yang Berjaya dan sebarang tuntutan atau notis atau writ saman atau dokumen-dokumen perundangan jikalau dihantar menerusi pos hendaklah dianggap telah diterima oleh Pemohon Yang Berjaya selepas tamatnya tempoh lima (5) hari kalendar selepas ia diposkan atau dengan penyerahan persendirian pada tarikh penyampaian kepada Pemohon Yang Berjaya. Sebarang notis yang diberikan di bawah Perjanjian ini kepada AmBank hendaklah dalam bentuk tulisan dan ditandatangani oleh Pemohon Yang Berjaya dan boleh dibuat dengan surat dialamatkan kepada AmBank dan dihantar menerusi pos berdaftar atau dihantar dengan cara penghantaran peribadi ke alamat AmBank yang dinyatakan di sini atau alamat lain seperti dimaklumkan oleh AmBank kepada Pemohon Yang Berjaya dan akan hanya dianggapkan telah dihantar kepada AmBank pada tarikh penerimaan sebenar AmBank.
- 31.2 Sebarang surat notis, tuntutan, kenyataan, peringatan atau sijil (selepas ini pada umumnya dirujuk sebagai "Dokumen Tersebut") yang perlu diberi oleh AmBank tidak memerlukan tandatangan atau ditandatangani oleh mana-mana pegawai AmBank di mana telah dinyatakan di dalam Dokumen Tersebut bahawa Dokumen Tersebut ialah hasil komputer dan tidak memerlukan sebarang tandatangan.

32. PENYAMPAIAN PROSES UNDANG-UNDANG

Pihak-pihak dengan ini bersetuju bahawa penyampaian apa-apa writ saman atau apa-apa proses undang-undang mengenai apa-apa tuntutan yang timbul daripada atau berkaitan dengan terma dan syarat ini adalah sempurna dan berkesan dengan menyampaikan sesalinannya melalui pos berdaftar prabayar dan sesalinannya melalui pos biasa ke alamat-alamat Pemohon Yang Berjaya yang dinyatakan dalam borang permohonan Fasiliti atau ke alamat-alamat lain yang dimaklumkan oleh Pemohon Yang Berjaya kepada Bank dari semasa ke semasa.

33. SIJIL KEBERHUTANGAN

Sijil yang ditandatangani oleh pegawai Bank mengenai jumlah keberhutangan pada masa tertentu dan terhutang kepada Bank oleh Pemohon Yang Berjaya akan menjadi bukti konklusif atau bukti bahawa amaun yang dinyatakan di dalamnya adalah terhutang dan kena dibayar oleh Pemohon Yang Berjaya kepada Bank.

34. LIABILITI

- 34.1 Pihak Bank adalah bebas dari apa jua tanggungjawab dan liabiliti atas permohonan yang telah ditolak.

35. TANGGUNG RUGI

Pihak Bank tidak bertanggungjawab dan menyangkal sebarang beban terhadap sebarang tindakan, tuntutan, kerugian, kerosakan, kos dan perbelanjaan yang mungkin ditanggung oleh Pemohon Yang Berjaya akibat daripada penerimaan Fasiliti ini kecuali jika ia disebabkan oleh kecuaiannya melampau, penipuan atau salah laku yang disengajakan oleh pihak Bank.

36. FORCE MAJEURE

Pihak Bank tidak bertanggungjawab terhadap kegagalan melaksanakan obligasinya disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh apa-apa perkara di luar kawalan pihak Bank termasuk kemusnahan alam sekitar seperti banjir, ribut dan taufan, kilat, letupan gunung berapi, gempa bumi, tanah runtuh, mendapan tanah, pergolakan ketenteraman awam seperti tunjuk perasaan, sekatan masuk, kekacauan industrial, rusuhan, peperangan, di mana setiap satunya adalah

diluar kawalan mana-mana pihak atau apa-apa kejadian, kondisi atau keadaan yang serupa yang diklasifikasikan sebagai Force Majeure oleh Bank dari masa ke semasa.

37. UNDANG-UNDANG

Terma-terma dan syarat-syarat yang tertera di sini adalah tertakluk kepada dan ditafsir menurut undang-undang Malaysia dan pihak-pihak bersetuju untuk tertakluk kepada bidang kuasa Mahkamah di Malaysia.

38. TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT YANG LAIN

38.1 Penggunaan Fasilitas adalah tertakluk kepada terma dan syarat yang dinyatakan di sini.

38.2 Pemohon Yang Berjaya mengesahkan bahawa beliau tidak bergantung kepada apa-apa yang dikatakan telah dinasihatkan, diwakili atau dijanjikan oleh kakitangan Bank atau wakilnya yang tidak dinyatakan secara nyata dalam terma dan syarat di sini. Walaupun jika terdapat apa-apa nasihat, perwakilan atau janji diberikan, Pemohon Yang Berjaya bersetuju ia tidak akan mengikat Bank secara undang-undang, atau menjadi pembelaan atau sokongan untuk apa-apa tuntutan Pemohon Yang Berjaya dalam apa-apa prosiding undang-undang. Pemohon juga dinasihatkan untuk mendapatkan nasihat guaman sendiri.

38.3 Bank boleh menggunakan apa-apa hak, kuasa atau remedi yang mungkin ada padanya, sama ada dinyatakan di sini atau diberikan padanya oleh undang-undang walaupun telah berlaku kelewatan. Semua hak dan kuasa Bank dalam undang-undang atau ekuiti boleh digunakan walaupun ia saling bertindih dengan mana-mana hak dan kuasa dalam terma dan syarat ini. Jika Bank tidak bertindak apabila ia berhak berbuat demikian, itu tidak bermakna ia:

- (i) telah bersetuju dengan kemungkiran Pemohon Yang Berjaya; atau
- (ii) telah melepaskan haknya; atau
- (iii) dihalang untuk bertindak di waktu akan datang.

Bila mana Bank dengan jelas mengetepikan suatu kemungkiran oleh Pemohon Yang Berjaya, ini tidak akan mengganggu apa-apa hak, kuasa atau remedi pihak Bank berhubung kemungkiran lain oleh Pemohon Yang Berjaya, sama ada berlaku sebelum atau selepas penepian tersebut.

38.4 Bank mengekalkan haknya pada bila-bila masa untuk melaksanakan terma-terma tambahan atau mengubah atau meminda terma dan syarat ini tertakluk kepada budi bicara pihak Bank dengan pemberian dua puluh satu (21) hari kalendar notis terdahulu.

38.5 Bank mengekalkan haknya terhadap Pemohon Yang Berjaya pada bila-bila masa dan dengan pemberian notis terlebih dahulu kepada Pemohon Yang Berjaya, sebelum atau selepas, untuk menambah, mengubah, memadamkan, meminda, menukar atau memvariasikan kesemua atau mana-mana terma dan syarat atau dengan menggantikan secara keseluruhan atau sebahagian Fasilitas dengan skema yang lain, sama ada serupa atau tidak, atau menarik balik secara sekaligus tertakluk kepada pemberian dua puluh satu (21) hari kalendar notis terdahulu.

38.6 Sekiranya Pemohon yang Berjaya tidak bersetuju terhadap variasi, pengubahan atau pembetulan yang dibuat di bawah klausa 38.4 dan 38.5 di atas, Pemohon yang Berjaya perlu untuk memaklumkan kepada Bank secara bertulis mengenai perkara tersebut dalam masa dua puluh satu (21) hari kalendar dari tarikh notis daripada Bank dan Pemohon yang Berjaya perlu membatalkan Fasilitas dengan membayar semula Bank secara penuh, semua jumlah yang tertunggak dan berhutang di bawah Fasilitas ini

38.7 Terma dan syarat dalam versi Bahasa Inggeris tersedia di ambank.com.my. Pemohon Yang Berjaya dikehendaki untuk melayari ambank.com.my untuk terma dan syarat terkini.

39. AKTA PENCEGAHAN PENGUBAHAN WANG HARAM, PENCEGAHAN PEMBIAYAAN KEGANASAN DAN HASIL DARIPADA AKTIVITI HARAM 2001 ("AMLATFA") DAN AKTA PERDAGANGAN STRATEGIK 2010 ("STA")

39.1 Pemohon Yang Berjaya mengakui dan menjamin bahawa:

(a) melainkan jika dan sehingga Pemohon Yang Berjaya memberitahu Bank sebaliknya secara bertulis:

- (i) Pemohon Yang Berjaya adalah prinsipal berhubung dengan Fasilitas;
- (ii) tiada seorang pun selain daripada Pemohon Yang Berjaya yang mempunyai atau akan mempunyai apa-apa kepentingan dalam Fasilitas ini; kesemua wang yang akan dibayar kepada Pemilik, kesemua cagaran dan/atau jaminan yang memihak kepada Bank untuk mendapatkan Fasilitas (jika ada) akan datang daripada sumber kegiatan yang sah dan bukannya aktiviti yang menyalahi undang-undang, seperti yang ditakrifkan di bawah AMLATFA dan/atau menyalahi STA.

(b) apabila diberitahu bahawa Pemohon Yang Berjaya adalah perantara bagi orang lain:

- (i) Bank boleh meminta dan Pemohon Yang Berjaya bersetuju dan berjanji untuk memberikan pengesahan identiti benefisiari dan apa-apa maklumat lain yang dikehendaki oleh Bank, termasuk namun tidak terhad kepada salinan yang diperakui sah bagi apa-apa kebenaran untuk bertindak atau dokumen yang boleh diminta bagi tujuan mengesahkan maklumat yang diberikan oleh Pemohon Yang Berjaya, yang mana salinannya boleh disimpan oleh pihak Bank;
- (ii) Pemohon Yang Berjaya selanjutnya mengisytiharkan dan mengesahkan bahawa pemeriksaan "know-your-customer" yang diperlukan telah dijalankan termasuk namun tidak terhad kepada identiti, kewujudan, alamat dan jenis perniagaan benefisiari, ia disahkan oleh penyewa bahawa wang, dana atau cagaran adalah daripada sumber aktiviti yang sah dan bukannya aktiviti haram seperti yang ditakrifkan di bawah AMLATFA dan/atau menyalahi STA; dan
- (iii) selanjutnya dengan ini dipersetujui dengan jelas dan difahami bahawa peruntukan butir-butir benefisiari tidak akan menjadikan benefisiari sebagai pelanggan Bank dan Bank berhak untuk menganggap Pemohon Yang Berjaya sebagai prinsipal.

39.2 Sebagai tambahan kepada sub-Klausa 39.1 (a) dan (b) di sini, Pemohon Yang Berjaya dengan ini bersetuju dan mengakui tanpa syarat bahawa:

(a) Pemohon Yang Berjaya akan mendedahkan dan memberikan kepada Bank apa-apa maklumat yang diperlukan atau dianggap perlu dan pada kepuasan pihak Bank dengan kadar segera menurut tempoh yang ditentukan oleh Bank, sama ada atau tidak untuk tujuan mematuhi undang-undang, perintah, peraturan, arahan dan garis panduan Bank Negara Malaysia dan/atau yang diberikan, dibuat atau diwujudkan oleh pihak Bank;

(b) sementara Bank menunggu penerimaan maklumat daripada Pemohon Yang Berjaya dan sehingga diterima dan disahkan di mana Bank dan/atau pihak berkuasa yang berkaitan berpuas hati, Bank tidak akan bertanggungjawab untuk meneruskan apa-apa transaksi atau pembayaran atau menerima apa-apa wang, dana atau cagaran ("Aset"). Berhubung dengan Aset yang sudahpun di bawah kawalan Bank, pihak Bank berhak (dan diberi kuasa) untuk menyimpan Aset tersebut buat sementara. Sebarang Aset yang diminta untuk dikembalikan kepada Pemohon Yang Berjaya atau mana-

mana pihak lain akan hanya dikembalikan kepada Pemohon Yang Berjaya atau mana-mana pihak lain tersebut setelah Bank mendapat pelepasan yang sewajarnya daripada pihak berkuasa yang berkenaan;

- (c) Pemohon Yang Berjaya tidak akan menggunakan Fasilitas untuk perubahan wang haram atau melanggar mana-mana undang-undang yang berkaitan dengan perubahan wang haram seperti yang ditakrifkan di bawah AMLATFA atau bersalahan di bawah STA; dan
 - (d) Bank atau syarikat-syarikat dalam Kumpulan AmBank tidak akan bertanggungjawab ke atas apa-apa kerugian langsung atau tidak langsung, yang berbangkit atau apa jua kerugian sekalipun walau bagaimanapun yang terjadi atau disebabkan Bank melaksanakan tugasnya di bawah undang-undang yang sedang berkuatkuasa, khususnya namun tidak terhad kepada tugas berkanunnya di bawah AMLATFA atau STA.
- 39.3 Sekiranya pembayaran yang telah dibuat terhadap jumlah yang perlu dibayar oleh Pemohon Yang Berjaya telah pada satu masa atau sebarang masa selepas pelepasan Pemohon Yang Berjaya dari tanggungjawab di dalam Perjanjian oleh Bank, telah didapati atau disyaki dari sumber haram atau tidak sah menurut kesalahan yang dinyatakan di dalam AMLATFA, Pemohon Yang Berjaya bersetuju dan memperakui bahawa:
- (a) pelepasan segala tanggungjawab Pemohon Yang Berjaya oleh Bank akan serta merta menjadi tidak sah bermula dari tarikh ianya telah ditetapkan bahawa sumber bayaran jumlah yang perlu dibayar tersebut adalah tertakluk kepada kesalahan di bawah AMLATFA dan selanjutnya Pemohon Yang Berjaya akan berterusan bertanggungjawab kepada Bank di bawah Perjanjian tersebut walaupun sebelumnya Pemohon Yang Berjaya telah dilepaskan oleh Bank dari tanggungjawab dibawah Perjanjian tersebut; dan
 - (b) Pemohon Yang Berjaya akan menanggunggrugi Pemilik atas segala tuntutan, kehilangan, kerugian, kos dan caj yang ditanggung oleh Bank berpunca dari pelanggaran oleh Pemohon Yang Berjaya akan kesalahan di bawah peruntukan AMLATFA.

40. PRIVASI

- 40.1 Pemohon Yang Berjaya diingatkan untuk membaca dan memahami Notis Privasi Kumpulan AmBank (yang terdapat di www.ambankgroup.com) dan Pemohon Yang Berjaya adalah terikat kepada Notis Privasi Kumpulan AmBank dan klausa di sini, yang mungkin berkaitan dengan pemprosesan maklumat peribadinya. Bagi mengelakkan keraguan, Pemohon Yang Berjaya bersetuju bahawa Notis Privasi tersebut adalah dianggap telah digabungkan dengan merujuk kepada Terma dan Syarat ini.
- 40.2 Sekiranya Pemohon Yang Berjaya memberikan maklumat peribadi dan/atau kewangan kepada pihak ketiga, termasuk maklumat berkaitan dengan keluarga terdekat, tanggungan mereka (bagi Pemohon Yang Berjaya individu) bagi untuk tujuan pembukaan atau menjalankan Fasilitas dengan Pemilik atau sebaliknya melanggar produk dan perkhidmatan Bank, Pemohon yang Berjaya dengan ini:
- (a) mengesahkan bahawa dia telah memperolehi kebenaran atau sebaliknya berhak untuk memberikan maklumat kepada Bank dan untuk kegunaan Bank selaras dengan Terma dan Syarat ini dan untuk memberikan maklumat mengenai produk, perkhidmatan dan tawaran (termasuk produk, perkhidmatan dan tawaran dari Kumpulan AmBank) yang Bank dan Kumpulan AmBank percaya mungkin memberi kepentingan atau faedah kepada mereka;
 - (b) bersetuju untuk memastikan bahawa maklumat peribadi dan kewangan pihak ketiga tersebut adalah tepat;
 - (c) bersetuju untuk mengemaskini secara bertulis sekiranya terdapat sebarang perubahan terhadap maklumat peribadi dan kewangan tersebut; dan
 - (d) bersetuju terhadap hak Bank untuk menamatkan Fasilitas sekiranya kebenaran tersebut ditarik balik oleh mana-mana pihak ketiga tersebut.
- 40.3 Sebagai tambahan, tetapi sentiasa tertakluk kepada sebarang undang-undang, (termasuklah peraturan, garis panduan dan/atau obligasi) terpakai bagi Bank (sama ada di dalam atau luar Malaysia), Pemohon Yang Berjaya bersetuju bahawa syarikat lain di dalam Kumpulan AmBank, peniaga dan rakan perniagaan strategik mereka boleh menghubungi Pemohon Yang Berjaya mengenai produk, perkhidmatan dan tawaran, yang mana Bank dan Kumpulan AmBank percaya mungkin memberi kepentingan atau faedah kepada Pemohon Yang Berjaya.
- 40.4 Bank dan Kumpulan AmBank boleh berkomunikasi dengan Pemohon Yang Berjaya melalui pelbagai saluran, termasuklah telefon, emel, pesanan elektronik/bergerak, faksimili atau pos, menggunakan maklumat hubungan yang telah diberikan oleh Pemohon Yang Berjaya.
- 40.5 Pemohon Yang Berjaya boleh memberitahu Bank pada bila-bila masa sekiranya Pemohon Yang Berjaya memilih untuk tidak menerima sebarang komunikasi berhubung dengan pemasaran Bank, Kumpulan AmBank dan/atau peniaga dan rakan niaga strategik mereka, dengan menghubungi Bank di pelbagai saluran berikut:

Perkhidmatan Pelanggan

Waktu Urusniaga: 7pagi – 11malam

Telefon: 03 – 2178 8888

E-mel: customercare@ambankgroup.com

Pos: **AmBank Contact Centre**

Tingkat 18, Menara AmBank,

No. 8, Jalan Yap Kwan Seng,

50450 Kuala Lumpur.

- 40.6 Arahan bertulis yang terkini daripada Pemohon Yang Berjaya akan terpakai. Pemohon Yang Berjaya mengakui bahawa sesetengah komunikasi seperti penyata Fasilitas kepada Pemohon Yang Berjaya dan laman sesawang Kumpulan AmBank mungkin mengandungi maklumat biasa mengenai produk dan perkhidmatan lain Bank dan Kumpulan AmBank yang tidak boleh dikeluarkan tanpa menjejaskan bahagian penghantaran/operasi Fasilitas tersebut dan/atau tanpa sebarang kos tambahan kepada Pemohon Yang Berjaya.
- 40.7 Bank mungkin menggunakan agensi laporan kredit dalam membantu membuat keputusan, sebagai contoh apabila Bank perlu untuk:
- (a) menyemak butiran bagi permohonan Fasilitas, pembiayaan dan berkaitan-pembiayaan atau Fasilitas lain yang diberikan kepada Pemohon Yang Berjaya;
 - (b) menguruskan dan menyemak Fasilitas; dan/atau
 - (c) mendapatkan semula hutang daripada Pemohon Yang Berjaya.
- 40.8 Pemohon Yang Berjaya akan dipautkan dengan agensi laporan kredit kepada nama lain yang digunakan Pemohon Yang Berjaya atau mungkin telah digunakan, dan mana-mana pemohon secara bersesama dan berasingan. Bank mungkin juga akan berkongsi maklumat mengenai Pemohon Yang Berjaya dan bagaimana Pemohon Yang Berjaya menguruskan Fasilitas dengan agensi laporan kredit yang berkaitan.

40.9 Walaupun Pemohon Yang Berjaya telah memberikan maklumat kepada Bank, Pemohon Yang Berjaya mempunyai pilihan untuk menarik balik kebenaran yang diberikan dahulu. Dalam keadaan sedemikian, Bank berhak untuk tidak memberikan atau menghentikan peruntukan Fasiliti yang dipautkan dengan maklumat tersebut.

40.10 Bank berhak untuk meminda klausa-klausa disini dari semasa ke semasa dengan memberikan notis terdahulu dua puluh satu (21) hari kalendar kepada Pemohon Yang Berjaya. Sekiranya Pemohon Yang Berjaya tidak bersetuju dengan apa-apa pindaan, Pemohon Yang Berjaya perlu memaklumkan kepada Bank secara bertulis dalam tempoh dua puluh satu (21) hari kalendar dari tarikh notis daripada Bank dan Pemohon Yang Berjaya perlu menamatkan Fasiliti dengan membayar semula kepada Bank secara penuh, kesemua jumlah tertunggak dan terhutang di bawah Fasiliti ini. Sekiranya Pemohon Yang Berjaya masih meneruskan Fasiliti ini dua puluh satu (21) hari kalendar selepas notis pindaan tersebut oleh Bank, Pemohon Yang Berjaya adalah dianggap menerima pindaan tersebut.

41. Semua aduan daripada Pemohon Yang Berjaya berkaitan Fasiliti ini hendaklah ditujukan secara bertulis kepada:

AmBank Contact Centre - One Stop Resolution

Tingkat 18, Menara AmBank

No. 8, Jalan Yap Kwan Seng

50450 Kuala Lumpur

No. Tel: 03 – 21788888

E-mel: customercare@ambankgroup.com

Sekiranya terdapat sebarang aduan daripada Pemohon Yang Berjaya tidak diselesaikan oleh Bank; atau Pemohon Yang Berjaya tidak berpuas hati dengan keputusan Bank berkenaan aduan yang dibuat, Pemohon Yang Berjaya boleh merujuk perkara tersebut kepada:-

(i) **Bank Negara Malaysia LINK atau TELELINK**

Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (LINK)

Block D, Bank Negara Malaysia

Jalan Dato' Onn

50480 Kuala Lumpur

Tel: 1-300-88-5465

E-mel: bnmtelelink@bnm.gov.my

(ii) **Association of Banks in Malaysia**

34th Floor, UBN Tower

10, Jalan P. Ramlee

50250 Kuala Lumpur

Tel: 1300-88-9980

E-mel: banks@abm.org.my

(iii) **Ombudsman for Financial Services**

Level 14, Main Block Menara Takaful Malaysia

No. 4, Jalan Sultan Sulaiman 50000 Kuala Lumpur

Tel: 03 – 2272 2811

E-mel: enquiry@ofs.org.my

Segala maklumat dalam Terma dan Syarat ini adalah sah seperti pada Oktober 2021. Untuk maklumat terbaru sila layari ambank.com.my